



PELAN ANTIRASUAH

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
RELA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP)
2020-2024



PELAN ANTIRASUAH

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
RELA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP)
2020-2024

DITERBITKAN OLEH:



**UNIT INTEGRITI
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**

Aras 7, 8 & 9, Blok D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546, W.P. Putrajaya
No. Telefon : 03-8870 3770
No. Faks : 03-8890 5532
Laman Web : www.rela.gov.my

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang.

PENAFIAN

Maklumat yang terkandung dalam pelan ini adalah khusus untuk kegunaan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. RELA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan akibat penggunaan maklumat yang terkandung di dalam pelan ini.





Amanat

MENTERI DALAM NEGERI

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, saya melafazkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah berjaya menyahut seruan Kerajaan untuk menghasilkan pelan antirasuah organisasi ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Sekalung ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Pelan Antirasuah RELA (RACP) 2020-2024 yang mana menjadi indikator kawalan terhadap agenda integriti untuk memperkukuhkan nilai integriti dalam diri setiap warga RELA.

Saya percaya dengan terhasilnya RACP ini jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dapat ditangani dengan lebih efisien. Pada masa yang sama dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatan RELA dari sudut kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan kepada pihak pemegang taruh dan rakyat.

Harapan saya agar usaha murni ini akan menjadi pemangkin kepada pembentukan nilai peribadi yang unggul untuk warga RELA sekali gus akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bebas jenayah rasuah.

Justeru, saya doakan agar segala usaha ini sentiasa diberkati dan semoga aspirasi kita untuk memerangi rasuah akan berterusan sampai bila-bila.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN

Menteri Kementerian Dalam Negeri



Amanat
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan inayahNya jua Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah berjaya menghasilkan Pelan Antirasuah RELA (RACP) 2020-2024.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Pengurusan Tertinggi RELA dan Ahli Jawatankuasa Pembangunan RACP ini kerana telah berjaya menghasilkan pelan antirasuah yang komprehensif untuk RELA. Keberhasilan RACP 2020-2024 ini membuktikan usaha dan komitmen yang tinggi daripada pegawai dan kakitangan RELA dalam mendukung hasrat dan aspirasi Pengurusan Tertinggi KDN.

Sebagai sebuah Kementerian yang menerajui perkhidmatan keselamatan dan ketenteraman awam, saya sangat mengharapkan agar semua warga agensi dan jabatan di bawah KDN diterapkan dengan nilai integriti yang tinggi semasa menjalankan tugas. Sehubungan dengan itu, saya menyeru supaya semua warga RELA untuk saling bekerjasama bagi memastikan RACP ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri



Perutusan

KETUA PENGARAH RELA

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan berkat dan izinNya jua, Pelan Antirasuah RELA 2020-2024 atau RELA *Anti-Corruption Plan (RACP) 2020-2024* diterbitkan dengan jayanya.

Saya selaku pegawai yang diberi amanah untuk menerajui RELA ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas bimbingan yang diberikan sepanjang proses pembangunan pelan ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih dan tahniah kepada pihak Pengurusan Tertinggi RELA, Jawatankuasa Pembangunan RACP serta Unit Integriti RELA selaku penyelarass RACP di atas usaha keras yang telah ditunjukkan dalam membangunkan pelan ini.

Menjadi harapan saya agar semua warga RELA dapat bersama-sama berganding bahu menunjukkan komitmen bagi menjayakan usaha murni ini demi menjadikan kita sebagai Jabatan ke arah bebas rasuah menjelang tahun 2024 dan pada masa yang sama mendukung wawasan negara untuk menjadi negara yang bebas rasuah pada masa akan datang.

Jadikanlah prinsip kelima Rukun Negara sebagai pedoman untuk kita sentiasa meningkatkan tahap kesusilaan dalam kehidupan seharian supaya perilaku kita sentiasa terpelihara dari segala anasir yang tidak sihat. Ayuh warga RELA bersama-sama memerangi jenayah rasuah.

RELA Tolak Rasuah.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KPJ R YAHYA BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)

PENYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah RELA 2020-2024 ataupun RELA *Anti-Corruption Plan* (RACP) 2020-2024 merupakan satu pelan antirasuah komprehensif yang menzahirkan usaha dan komitmen tinggi Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam membendung sebarang perlakuan dan jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang wujud dalam Jabatan ini.

Pembangunan RACP ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, di bawah Bidang Keutamaan: Pentadbiran Sektor Awam, Strategi 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam, Objektif Strategik 2.1: Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik, inisiatif 2.1.5 yang telah mewajibkan kesemua sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi/ *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP).

Pembangunan RACP ini adalah sebagai bukti dan komitmen tinggi pihak Pengurusan Tertinggi RELA dalam menyahut seruan Kerajaan untuk membangunkan sebuah pelan antirasuah organisasi yang boleh dijadikan rujukan oleh warga Jabatan dalam memerangi jenayah rasuah.

Segala input dan inisiatif yang dibangunkan dalam RACP ini adalah berdasarkan data dan maklumat yang terkumpul daripada bengkel *Corruption Risk Management* (CRM) RELA yang diadakan pada Januari 2019 dan juga hasil perbincangan yang dijalankan bersama-sama pegawai di setiap bahagian dalam Jabatan termasuk hasil sesi libat urus Jabatan bersama-sama Unit Integriti KDN dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

RELA sentiasa proaktif dan komited agar inisiatif yang dibangunkan dalam RACP ini dapat dilaksanakan dan dijayakan dengan penuh tanggungjawab bagi memastikan peluang berlakunya rasuah di Jabatan ini dapat dikurangkan dan sekaligus membantu mencapai visi negara bebas rasuah.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah RELA 2020-2024 ataupun RELA *Anti-Corruption Plan* (RACP) 2020-2024 dihasilkan dengan menggariskan visi, misi dan matlamat seperti berikut:



Menjadikan RELA sebuah Jabatan yang Berintegriti dan Ke Arah Bebas Rasuah Menjelang 2024.



1. Memperkukuhkan nilai integriti dalam kalangan warga RELA;
2. Mewujudkan perkhidmatan yang telus (*transparent*) dan bersih (*clean*); dan
3. Meningkatkan kecekapan dan tadbir urus Jabatan.



Bagi mencapai visi dan misi RACP, RELA telah mengenalpasti tiga matlamat seperti berikut:

1. Pengurangan jumlah aduan awam yang dilaporkan;
2. Pengurangan salah laku dalam kalangan warga RELA; dan
3. Peningkatan kepercayaan pemegang taruh (*stakeholder*) terhadap RELA.

RACP yang dibangunkan ini merangkumi dua bidang keutamaan, lima teras utama dan lapan strategi yang merangkumi 27 inisiatif. Setiap inisiatif yang terdapat dalam RACP ini telah dipertanggungjawabkan kepada entiti-entiti di bawah RELA iaitu Bahagian-bahagian dan Unit di Ibu Pejabat RELA.

Pelaksanaan inisiatif ini akan melibatkan semua Bahagian dan Unit yang dinyatakan serta memerlukan penglibatan serius dari segenap lapisan warga RELA agar RACP ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Proses pemantauan dan penilaian/ *Monitoring and Evaluation* (M&E) perlu dilakukan secara berkala bagi mengukur dan memantau keberkesanan pelaksanaan inisiatif RACP agar kekal selari dengan visi dan misi pelan ini.

RACP ini memerlukan komitmen dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya warga RELA supaya pelan ini dapat dijadikan sebagai rujukan dalam usaha Jabatan untuk menangani segala risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

SENARAI SINGKATAN

AKBR	Ahli Kehormat dan Bersekutu RELA
AMLA	<i>Anti-Money Laundering Act</i>
APR	Akta Pencegahan Rasuah 1997
ASPRM	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
ATKP	Arahan Tetap Ketua Pengarah
BIT	Bahagian Teknologi Maklumat
BKEW	Bahagian Kewangan dan Pembangunan
BL	Bahagian Latihan
BO	Bahagian Operasi
BPMP	Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan
BPP	Bahagian Pembangunan Pasukan dan Penyelidikan
BPRM	Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
BSJ	Bahagian Persenjataan
CRM	<i>Corruption Risk Management</i>
FS	<i>Flying Squad</i>
GTP	<i>Government Transformation Programme</i>
IBR	Ikrar Bebas Rasuah
JAR	Jawatankuasa Antirasuah
JKKMAR	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah
JPP	Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KSU	Ketua Setiausaha
LSPRM	Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
MBJ	Majlis Bersama Jabatan
MKN	Majlis Keselamatan Negara
NACP	<i>National Anti-Corruption Plan</i>
OACP	<i>Organisational Anti-Corruption Plan</i>
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PIN	Pelan Integriti Nasional
PRD	Pegawai RELA Daerah
RACP	RELA <i>Anti-Corruption Plan</i>
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
THB	Tidak Hadir Bertugas
UI	Unit Integriti

ISI KANDUNGAN

BAB 01	PENGENALAN	
	LATAR BELAKANG	2
	▪ Sejarah	2
	▪ Misi, Visi, Objektif, Moto, Slogan dan Teras	4
	BIDANG TUGAS RELA	6
	▪ Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752)	6
	▪ Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN No. 20)	7
DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS	8	
▪ Nasional	8	
▪ Jabatan	9	
BAB 02	ANALISA PERSEKITARAN	
	SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI	12
	▪ Interpretasi Data	12
	ANALISA DATA	13
	▪ Data Kes Aduan SPRM (2015-2019)	13
	▪ Rekod Kes Tatatertib (2015-2019)	16
	▪ Rekod Aduan Diterima (2015-2019)	21
	▪ Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014	24
	▪ <i>Corruption Risk Management (CRM)</i>	25
	▪ <i>Flying Squad (FS)</i>	26
	ISU DAN CABARAN	27
▪ Ruang dan Peluang Rasuah	27	
▪ Cabaran Memerangi Rasuah di RELA	28	
BAB 03	MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH	
	MEMBINA KERANGKA PELAN ANTIRASUAH	32
	▪ Garis Panduan Asas Membina Pelan Antirasuah - NACP	32
	KERANGKA RACP 2020-2024	33
	▪ Keperluan kepada Kerangka Pelan Antirasuah Jabatan	33
	RACP 2020-2024	34
	▪ 5 Teras RACP	34
▪ Ringkasan Kerangka RACP	36	
▪ Kerangka RACP	37	
BAB 04	TADBIR URUS	
	MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN	48
▪ Ringkasan Struktur Tadbir Urus Pemantauan RACP	49	
BAB 05	PENUTUP	
	KESIMPULAN	52
	PENGHARGAAN	53

PENGENALAN

RELA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2020-2024

1

2

3

4

5



BAB 01

1

2

3

4

5

LATAR BELAKANG

SEJARAH

Sejarah penubuhan RELA adalah berkait rapat dengan Pasukan *Home Guard* yang ditubuhkan bertujuan bagi menjaga keselamatan setempat apabila darurat diisytiharkan pada tahun 1948 dan telah dibubarkan selepas darurat diisytiharkan tamat pada 31 Julai 1960.

Pada tahun 1963 hingga 1965, Pasukan Sukarelawan telah ditubuhkan semula dengan nama Pasukan Kawalan Khas berikutan negara menghadapi ancaman konfrontasi dengan Indonesia untuk bertindak sebagai mata dan telinga Kerajaan serta membantu agensi keselamatan. Pasukan Kawalan Khas telah dibubarkan selepas tamat konfrontasi.

Selepas insiden pada 13 Mei 1969, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman yang ketika itu merupakan Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Dalam Negeri berpendapat bahawa pentingnya untuk mewujudkan satu pasukan sukarela yang berfungsi sebagai mata dan telinga Kerajaan serta *Third Line of Defence* dalam menangani ancaman keselamatan negara.



Justeru, pada 11 Januari 1972 Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menubuhkan RELA di bawah Seksyen 2 Akta (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1964 yang mula dikenali sebagai Ikatan Relawan Rakyat Malaysia.

Pada tahun 2005 hingga 2012, RELA telah diberi kuasa khas di bawah Akta Darurat 1964 untuk melaksanakan operasi membanteras pendatang asing tanpa izin (PATI). Kuasa yang diberikan kepada RELA telah dilaksanakan dengan sebaiknya untuk membanteras PATI supaya keamanan negara dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Pada 22 Jun 2012, RELA telah dijenamakan semula dengan pemansuhan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia dan ditukarkan kepada Pasukan Sukarelawan Malaysia berdasarkan Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752) yang berteraskan konsep 5K IP iaitu Keamanan, Keselamatan, Kesejahteraan, Kehamornian, Kesatuan dan Perpaduan.



1

2

3

4

5



Bermula pada 28 Ogos 2013, RELA telah dinaiktaraf menjadi sebuah Jabatan Persekutuan dan dikenali sebagai Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) sehingga kini.





MISI

Peneraju Kesukarelawanan
Keselamatan dan Kesejahteraan
Negara



VISI

.. Mentadbir Urus Kesukarelawanan Dalam
Negeri Untuk Membantu Bagi Menjamin
Keselamatan, Keamanan, Kesejahteraan,
Keharmonian, Kesatuan dan Perpaduan
Rakyat



OBJEKTIF

.. Memelihara dan Mengekalkan
Keselamatan, Keamanan,
Kesejahteraan, Keharmonian, Kesatuan
dan Perpaduan Rakyat



MOTO

Setia Berbakti



SLOGAN

Dari Rakyat, Bersama Rakyat, Untuk Rakyat

1

2

3

4

5

TERAS

Perkhidmatan RELA adalah berteraskan kepada konsep 5KIP, iaitu:



1

2

3

4

5

BIDANG TUGAS RELA

AKTA PASUKAN SUKARELAWAN MALAYSIA 2012 (AKTA 752)

Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752) merupakan akta rasmi bagi RELA. Akta 752 mengandungi enam Bahagian, 28 Seksyen dan satu Jadual.

Di bawah Bahagian III, Seksyen 5, Akta 752 yang mula berkuatkuasa pada 22 Jun 2012 telah menetapkan lima tugas utama RELA seperti berikut:

Tugas RELA

5. (1) Tiap-tiap pegawai dan anggota RELA hendaklah mempunyai tugas yang berikut:

(a)

Membantu mana-mana pasukan atau pihak berkuasa keselamatan yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis apabila diminta oleh pasukan keselamatan atau pihak berkuasa itu;

(b)

Memberikan bantuan kepada pihak berkuasa yang berkaitan dalam mengawal dan mengubah haluan kenderaan motor;

(c)

Mengambil bahagian dalam khidmat masyarakat;

(d)

Membantu dalam melindungi bangunan, pemasangan atau harta lain yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana badan berkanun lain atau apa-apa harta persendirian apabila diminta oleh pemunya bangunan, pemasangan atau harta itu; dan

(e)

Menjalankan apa-apa perintah dan arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah yang selaras dengan peruntukan Akta ini.

ARAHAN NO. 20 MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN NO. 20) – DASAR DAN MEKANISME PENGURUSAN BENCANA

Arahan MKN 20 ini berkuatkuasa mulai 30 Mac 2012 yang bertujuan menggariskan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana secara menyeluruh meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian bencana di darat.

Arahan ini juga menjelaskan peranan dan tanggungjawab Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela dalam pengurusan bencana.

Merujuk kepada Lampiran M, Perkara D, Peranan dan Tugas Agensi Bantuan dan Pemulihan dan Badan-badan Sukarela Dalam Kerja-kerja Bantuan dan Pemulihan di Tempat Kejadian telah menetapkan tugas-tugas RELA dalam pengurusan bencana seperti berikut:

RELA

1. Membantu memindahkan mangsa-mangsa **bencana**.
2. Membantu menyediakan dan mengagihkan makanan kepada mangsa-mangsa **bencana** dan petugas-petugas yang mengendalikan **bencana**.
3. Membantu menyediakan tempat pemindahan.
4. Membantu mengagihkan pakaian dan lain-lain keperluan kepada mangsa-mangsa **bencana**.
5. Membantu kawalan orang ramai di tempat kejadian **bencana**.
6. Membantu kawalan lalu lintas.
7. Membantu pembinaan pos-pos kawalan.
8. Membantu mengawal keselamatan rumah-rumah mangsa ketika mangsa berada di pusat pemindahan.
9. Membantu membersihkan tempat-tempat awam seperti sekolah-sekolah, masjid, pejabat Kerajaan dan rumah-rumah mangsa yang terlibat selepas **bencana**.

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

NASIONAL

Dalam usaha menuju ke arah status negara maju, berdaya saing dan berpendapatan tinggi, agenda membanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Sepanjang tempoh hampir dua dekad yang lalu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan untuk dijadikan rujukan pengurusan isu tadbir urus pentadbiran awam bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) 2013 dan yang terkini Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

- 1
- 2
- 3
- 4
- 5




Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) pertama yang telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2018 telah bersetuju dan membuat keputusan untuk membangunkan satu pelan integriti yang baharu, iaitu NACP 2019-2023 yang lebih komprehensif dan praktikal bagi menggantikan PIN 2004.



JABATAN

RELA sentiasa komited mendukung dan menyokong usaha Kerajaan dalam membanteras perlakuan jenayah rasuah. Bagi tujuan ini, RELA telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti membangunkan Pelan Integriti Ikatan Relawan Rakyat Malaysia 2010, Pelan Integriti 2.0 Jabatan Sukarelawan Malaysia 2017-2021, membuat lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR), membangunkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah 2019/ *Corruption Risk Management (CRM) 2019* dan yang terkini adalah Pelan Antirasuah RELA 2020-2024/ *RELA Anti-Corruption Plan (RACP) 2020-2024*.



1
2
3
4
5

ANALISA PERSEKITARAN

RELA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2020-2024

1

2

3

4

5

BAB 02

1

2

3

4

5

SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI

INTERPRETASI DATA

Pembangunan inisiatif RACP 2020-2024 telah dibuat berdasarkan analisa data-data rasuah dan salah laku integriti yang diperolehi daripada beberapa sumber utama seperti:

Data kes aduan berkaitan rasuah dan salah laku di RELA (2015-2019)

Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Rekod kes tatatertib di RELA (2015-2019)

Sumber: Unit Integriti RELA

Rekod aduan yang diterima oleh RELA (2015-2019)

Sumber: Unit Integriti RELA

Laporan Ketua Audit Negara 2014 (Pengauditan Terhadap Pengurusan Senjata Api dan Peluru RELA)

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pengurusan Risiko Rasuah/ *Corruption Risk Management* (CRM)

Sumber: Unit Integriti RELA

***Flying Squad* (FS)**

Sumber: Unit Integriti RELA

ANALISA DATA


DATA KES ADUAN BERKAITAN RASUAH DAN SALAH LAKU DI RELA (2015-2019)

Data aduan berkaitan rasuah dan salah laku di RELA diperoleh dari Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat (BPRM) SPRM dalam tempoh lima tahun iaitu mulai tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti berikut:

Jadual 1: Statistik Aduan Berkaitan Rasuah dan Salah Laku di RELA Mengikut Tahun

TAHUN	MAKLUMAT	KERTAS SIASATAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	SABITAN
2015	18	4	11	3	1
2016	9	1	1	1	2
2017	8	2	1	0	0
2018	9	0	3	3	1
2019	18	7	3	0	0
JUMLAH	62	14	19	7	4

Rajah 1: Peratusan Statistik Aduan Berkaitan Rasuah dan Salah Laku di RELA Mengikut Tahun




Jadual 2: Statistik Maklumat Berkaitan RELA Mengikut Pecahan Kesalahan

TAHUN		2015	2016	2017	2018	2019	JUMLAH KESELURUHAN
JENIS KESALAHAN							
ASPRM 2019/ APR 1997	Terima Rasuah	3	1	2	1	3	10
	Beri Rasuah	0	0	0	0	0	0
	Tuntutan Palsu	5	5	4	5	7	26
	Seksyen 13	0	0	0	0	1	1
	Salahguna Kuasa	0	0	0	0	3	3
	Sistem Dan Prosedur	0	0	0	0	3	3
	AMLA	0	0	0	0	0	0
Kanun Keseksaan		1	1	0	0	0	2
Lain-Lain		9	2	2	3	1	17
JUMLAH		18	9	8	9	18	62
JUMLAH KESELURUHAN		62					

RELA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2020-2024
 JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

Rajah 2: Peratusan Statistik Maklumat Berkaitan RELA Mengikut Pecahan Kesalahan




REKOD KES TATATERTIB DI RELA (2015-2019)

Jadual 3: Pecahan Kes Tatatertib di RELA Mengikut Tahun

TAHUN	JUMLAH
2015	21
2016	9
2017	24
2018	27
2019	15
JUMLAH KESELURUHAN	96

Rajah 3: Peratusan Pecahan Kes Tatatertib di RELA Mengikut Tahun




- 1
- 2
- 3
- 4
- 5

Jadual 4: Pecahan Kes Tatatertib di RELA Mengikut Jantina

JANTINA	JUMLAH
Lelaki	90
Perempuan	6
JUMLAH	96

Rajah 4: Peratusan Pecahan Kes Tatatertib di RELA Mengikut Jantina




Jadual 5: Pecahan Kes Tatatertib di RELA Mengikut Umur

UMUR (TAHUN)	JUMLAH
20-26	1
27-33	31
34-40	30
41-47	17
48 Ke Atas	17
JUMLAH	96

1
2
3
4
5

Rajah 5: Peratusan Pecahan Kes Tatatertib di RELA Mengikut Umur




Jadual 6: Pecahan Kes Tatatertib di RELA Mengikut Jenis Kesalahan

JENIS KESALAHAN	JUMLAH
Dadah	8
Gangguan Seksual	1
Salah Laku	8
Ingkar Perintah	14
Khalwat	2
LSPRM	5
Gangguan Peribadi Secara Lisan dan Psikologi	1
Penyalahgunaan Kuasa	4
SPRM-Mahkamah	3
Tatatertib untuk Kehilangan aset	6
Surcaj	6
Tidak Hadir Bertugas	42
Tuntutan Palsu	1
JUMLAH KESELURUHAN	101

*Nota: Terdapat kes tatatertib yang mempunyai lebih daripada satu kesalahan.

Rajah 6: Peratusan Pecahan Kes Tatatertib di RELA Mengikut Jenis Kesalahan



Jadual 7: Pecahan Kes Tatatertib di RELA Mengikut Kumpulan Perkhidmatan


JAWATAN	GREED	JUMLAH
Pembantu Am Rendah	N11	1
Pemandu Kenderaan	H11	7
Pengawal Keselamatan	KP11	7
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	N19	7
Ketua Pembantu Tadbir	N22	2
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	1
Pembantu Pertahanan Awam	KP19	45
	KP22	8
Penolong Pegawai Pertahanan Awam	KP29	13
	KP32	1
	KP38	1
Pegawai Pertahanan Awam	KP44	1
Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M48	1
	M54	1
JUMLAH KESELURUHAN		96

- 1
- 2
- 3
- 4
- 5

Rajah 7: Peratusan Pecahan Kes Tatatertib di RELA Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

1
2
3
4
5

RELA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2020-2024
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)




REKOD ADUAN YANG DITERIMA OLEH RELA (2015-2019)

Jadual 8: Pecahan Aduan Yang Diterima Oleh RELA Mengikut Tahun

TAHUN	JUMLAH
2015	21
2016	13
2017	6
2018	24
2019	23
JUMLAH KESELURUHAN	87

Rajah 8: Peratusan Pecahan Aduan Yang Diterima Oleh RELA Mengikut Tahun




- 1
- 2
- 3
- 4
- 5

Jadual 9: Pecahan Aduan Yang Diterima Oleh RELA Mengikut Sumber Aduan

SUMBER ADUAN	JUMLAH
Emel	4
Pesanan Ringkas - Aplikasi <i>WhatsApp</i>	2
Surat Layang	27
Surat Rasmi	54
JUMLAH KESELURUHAN	87

Rajah 9: Peratusan Pecahan Aduan Yang Diterima Oleh RELA Mengikut Sumber Aduan




Jadual 10: Pecahan Aduan Yang Diterima Oleh RELA Mengikut Jenis Kesalahan

JENIS KESALAHAN	JUMLAH
Dadah	3
Fitnah	1
Gangguan Seksual	2
Ingkar Perintah	2
Kehilangan Kenderaan Jabatan	1
Khalwat	2
LSPRM	12
Memalsukan Sijil Cuti Sakit	1
Meminda Laporan <i>Thumbprint</i>	2
Tuntutan Palsu	5
Salahguna Kuasa	12
Salah Laku	39
Lain-lain	8
JUMLAH KESELURUHAN	90

*Nota: Terdapat aduan diterima yang mempunyai lebih daripada satu kesalahan

Rajah 10: Peratusan Pecahan Aduan Yang Diterima Oleh RELA Mengikut Jenis Kesalahan



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 – PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN SENJATA API DAN PELURU RELA

Pembangunan inisiatif RACP juga dibuat berdasarkan kepada laporan Pengauditan Terhadap Pengurusan Senjata Api dan Peluru RELA yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara pada tahun 2014.

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan senjata api di RELA dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat meliputi aspek pengurusan senjata api bagi tempoh 2012 hingga 2014.

Pengauditan yang dijalankan antara Jun hingga September 2014 mendapati pengurusan senjata api di RELA telah diuruskan mengikut peraturan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pihak Audit Negara telah mengesyorkan beberapa perkara sebagai langkah penambahbaikan terhadap pengurusan dan pengendalian senjata api di RELA. Antara syor yang dikemukakan adalah:

1. Menkuatkuasakan sepenuhnya arahan dan peraturan sedia ada bagi mencapai kecekapan dalam melaksanakan pengurusan senjata api;
2. Mengenal pasti senjata api yang rosak/ tidak digunakan dengan mengesyorkan tindakan pelupusan; dan
3. Mengambil tindakan tatatertib yang bersesuaian terhadap pegawai yang terlibat dengan kes kehilangan senjata api walaupun siasatan daripada pihak PDRM masih belum selesai.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH/ CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)

Pembangunan inisiatif RACP juga dibangunkan menggunakan data yang diperoleh daripada pelan CRM RELA. Bengkel CRM telah dilaksanakan pada 28 hingga 30 Januari 2019.

Bengkel yang dilaksanakan telah dihadiri oleh Pegawai daripada Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) SPRM yang berperanan sebagai penceramah dan fasilitator sepanjang bengkel berlangsung.

Hasil daripada bengkel tersebut, RELA telah mengenalpasti beberapa peluang risiko rasuah yang berkemungkinan akan berlaku di Jabatan serta disusuli dengan pembangunan pelan mitigasi bagi mengawal risiko rasuah tersebut daripada berlaku di Jabatan.

1
2
3
4
5



FLYING SQUAD (FS)

Flying Squad (FS) atau pasukan naziran diwujudkan di RELA sebagai sebuah jawatankuasa yang melaksanakan siasatan terhadap aduan yang dibuat berhubung ketidakpatuhan yang berlaku di dalam Jabatan.

Hasil dapatan FS ini akan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan untuk mendapatkan syor atau keputusan terhadap aduan yang dibuat. Pengurusan Tertinggi Jabatan akan menentukan keputusan terhadap aduan sama ada:

1. Membawa aduan ke cawangan tatatertib;
2. Melaporkan aduan ke PDRM (sekiranya perlu); dan
3. Melaporkan aduan ke SPRM (sekiranya perlu).



ISU DAN CABARAN

RUANG DAN PELUANG RASUAH

Isu rasuah wujud dalam pelbagai latar belakang dan bidang, bukan sahaja dalam bidang kewangan, malah jenayah ini boleh berlaku di bidang yang lain tanpa mengira status atau kedudukan seseorang individu.

Terdapat banyak faktor tolakan dan faktor tarikan yang boleh mendorong seseorang memberi dan menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial sebagai contohnya menjadi penyebab utama yang membuka ruang dan peluang kepada perlakuan jenayah rasuah dan pelanggaran etika dalam perkhidmatan awam. Secara amnya, isu rasuah boleh dibahagikan kepada tiga bidang iaitu:

TADBIR URUS	KOMPETENSI	INTEGRITI
<ol style="list-style-type: none">1. Peruntukan undang-undang, peraturan, pekeliling dan arahan semasa yang sudah tidak relevan untuk dipraktikkan dan boleh menyebabkan sistem penguatkuasaan menjadi lemah.2. Kelemahan sistem pentadbiran, pengurusan dan proses kerja yang terlalu kompleks yang boleh memberi peluang berlakunya rasuah dan salah guna kuasa.	<ol style="list-style-type: none">1. Kelemahan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat yang tepat dan betul.2. Penyampaian perkhidmatan yang tidak cekap disebabkan oleh kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas.3. Penguatkuasaan yang lemah.	<ol style="list-style-type: none">1. Penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam melaksanakan tugas.2. Kebocoran maklumat dokumen terperingkat.3. Wujud ruang dan peluang untuk rasuah dan pelanggaran integriti semasa melaksanakan tugas.

- 1
- 2
- 3
- 4
- 5

CABARAN MEMERANGI RASUAH DI RELA

1. Kurang Pemantauan dan Pematuhan

Pelaksanaan pemantauan dan pematuhan tidak dapat dibuat secara efisien kerana sering berlaku kekurangan dari segi kepakaran memeriksa, mengaudit dan membuat kajian semula terhadap *Standard Operating Procedure* (SOP). Kekurangan sumber tenaga kerja, kemahiran, teknologi dan sumber kewangan menjadi pengukur keberkesanan usaha pemantauan yang dibuat.

2. Persepsi Negatif Daripada Orang Awam

Berdasarkan rekod data aduan yang terkumpul bagi tahun 2015 hingga 2019, RELA telah menerima banyak aduan dari orang awam berkaitan salah guna kuasa, tuntutan palsu dan mengambil rasuah yang dilakukan oleh warganya. Tohmahan yang dibuat ini jelas menunjukkan bahawa terdapat tanggapan dan persepsi negatif dalam kalangan orang awam terhadap warga RELA.

3. Kemampuan Membuat Kawalan Dalaman

Sistem kawalan dalaman Jabatan sangat penting bagi memastikan setiap warga kerja dapat menjalankan tugas dengan penuh integriti tanpa sebarang perlakuan salah laku dan pelanggaran etika kerja. Tindakan yang sewajarnya perlu diambil dengan kadar segera kepada pegawai yang didapati bersalah bagi memberi kesedaran kepada warga yang lain.

4. Tahap Pematuhan Terhadap Peraturan Yang Rendah

Peraturan yang dibuat sama ada di peringkat dalaman ataupun luaran Jabatan berfungsi untuk dijadikan rujukan dan panduan utama kepada semua warga RELA dalam memberikan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan serta pemegang taruh Jabatan. Melalui sesi audit dalaman dan *Flying Squad* (FS) yang dibuat mendapati masih terdapat pegawai yang melakukan sesuatu pekerjaan tanpa merujuk kepada peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa.



- 1
- 2
- 3
- 4
- 5

RELA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2020-2024
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

**RELA *ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP)*
2020-2024**

1

2

3

4

5



03

BAB

1

2

3

4

5

MEMBINA KERANGKA PELAN ANTIRASUAH

GARIS PANDUAN ASAS UNTUK MEMBINA KERANGKA PELAN ANTIRASUAH

NACP 2019-2023 telah menetapkan garis panduan asas untuk membina kerangka pelan antirasuah. Pendekatan 5A yang menyeluruh digunakan untuk membina kerangka pelan terdiri daripada langkah-langkah seperti Jangkaan (*Anticipation*), Advokasi (*Advocacy*), Persepakatan (*Alliance*), Tindakan (*Action*), dan Akreditasi (*Accreditation*).

1

2

3

4

5

JANGKAAN (ANTICIPATION)

➤ **Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran rasuah melalui Penilaian Risiko Rasuah (CRA)**, yang melibatkan proses pengumpulan dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini adalah penting untuk membantu organisasi mengenal pasti langkah-langkah pembedahan yang tepat untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko rasuah dalam organisasi masing-masing.

ADVOKASI (ADVOCACY)

➤ **Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi.** Pembuat keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor, seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan.

PERSEPAKATAN (ALLIANCE)

➤ **Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman dan luaran,** termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Ia akan membantu organisasi untuk memaksimum penggunaan sumber melalui perkongsian sumber dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan.

TINDAKAN (ACTION)

➤ **Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang dan dasar, sama ada melalui penguatkuasaan, pendekatan pencegahan dan pendidikan.** Organisasi hendaklah bertindak tegas dan adil dalam setiap tindakan untuk menghalang, mencegah dan memerangi rasuah di semua peringkat berlandaskan prinsip perundangan dan peraturan sedia ada.

AKREDITASI (ACCREDITATION)

➤ **Memfokuskan proses pemantauan dan penilaian (M&E) untuk memastikan semua dasar dan peraturan** telah dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya oleh individu/ organisasi. Tujuan akreditasi bukan sekadar untuk memberi ganjaran, tetapi juga untuk memperbaiki dasar atau aktiviti semasa, serta menggalakkan orang lain berbuat perkara yang sama.

KERANGKA RACP 2020-2024

KEPERLUAN KEPADA KERANGKA PELAN ANTIRASUAH JABATAN

Dalam menangani perlakuan jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan salah laku integriti, RELA bersetuju bahawa Pelan Antirasuah Jabatan sangat bertepatan untuk dibangunkan. Kecuaian dalam menguruskan masalah rasuah dan integriti dalam Jabatan bukan sahaja boleh menjejaskan imej Jabatan, malahan boleh menyebabkan mutu penyampaian perkhidmatan merosot dan pada masa yang sama boleh menggugat keselamatan negara.

Sebagai *way forward* dan *quick win* RELA dalam menguruskan isu rasuah dan salah laku integriti dalam kalangan warga Jabatan, Pengurusan Tertinggi RELA telah menetapkan perancangan rapi dan lebih memfokuskan kepada pengurusan risiko berlakunya rasuah dalam Jabatan. Perancangan yang dibuat haruslah relevan dan rasional dengan keadaan dan situasi semasa agar selari dengan visi RACP iaitu “Menjadikan RELA sebuah Jabatan yang Berintegriti dan Ke Arah Bebas Rasuah Menjelang 2024”.

Bagi merealisasikan visi tersebut, strategi yang perlu dilakukan haruslah tepat dan jelas agar masalah yang dihadapi dapat ditangani dengan cekap dan berkesan. Oleh hal yang demikian, strategi ini akan didukung oleh tiga langkah yang utama iaitu (1) melalui pengukuhan integriti dalam setiap warga Jabatan, (2) memperkemaskan tadbir urus di Jabatan dan (3) memperkasakan pemantauan dan pencegahan rasuah di Jabatan agar selari dengan inisiatif yang telah ditetapkan dalam NACP.

1
2
3
4
5



RACP 2020-2024

5 TERAS RACP 2020-2024

1

2

3

4

5

RELA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2020-2024
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

Mempertingkatkan
Keberkesanan
Pengurusan Kewangan
dan Perolehan

Mempertingkatkan
Keberkesanan
Pengurusan Sumber
Manusia

Memantapkan
Pelaksanaan Operasi
dan Penugasan

Memperkukuhkan
Tadbir Urus Pengurusan
Persenjataan

Mempertingkatkan
Profesionalisme Ahli
Kehormat dan
Bersekutu RELA (AKBR)



- 1
- 2
- 3
- 4
- 5



RELA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2020-2024
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

RINGKASAN KERANGKA RACP 2020-2024

1

2

3

4

5

2

**BIDANG
KEUTAMAAN**

5

TERAS

8

STRATEGI

27

INISIATIF

22 **Jangka
Pendek**
(6 Bulan Hingga 1 Tahun)

1 **Jangka
Sederhana**
(1 Hingga 2 Tahun)

4 **Jangka
Panjang**
(3 Hingga 4 Tahun)

KERANGKA RACP 2020–2024

VISI

Menjadikan RELA sebuah Jabatan yang Berintegriti dan Ke Arah Bebas Rasuah Menjelang 2024

MISI

- 1. Memperkukuhkan nilai integriti dalam kalangan warga RELA;**
- 2. Mewujudkan perkhidmatan yang telus (*transparent*) dan bersih (*clean*); dan**
- 3. Meningkatkan kecekapan dan tadbir urus Jabatan.**

MATLAMAT

- 1. Pengurangan jumlah aduan awam yang dilaporkan;**
- 2. Pengurangan salah laku dalam kalangan warga RELA; dan**
- 3. Peningkatan kepercayaan pemegang taruh (*stakeholder*) terhadap RELA.**

1

2

3

4

5

KERANGKA RACP 2020-2024

PENGURUSAN		
	Teras 1	Teras 2
TERAS	Mempertingkatkan Keberkesanan Pengurusan Kewangan dan Perolehan	
STRATEGI	<p>Strategi 1.1</p> <p>Memperkembangkan Arahan Berkaitan Pengurusan Kewangan</p> <ol style="list-style-type: none"> Mendokumentasi kawalan dalam – arahan pentadbiran Mewujudkan arahan berkaitan Arahan Pegawai Pengawal 	<p>Strategi 1.2</p> <p>Memastikan Pematuhan dan Tadbir Urus Yang Lebih Baik</p> <ol style="list-style-type: none"> Melaksanakan penerapan murni Melaksanakan dalam RELA
INISIATIF	<p>Strategi 1.1</p> <p>Meningkatkan Nilai Integriti Pegawai dan Kakitangan</p> <ol style="list-style-type: none"> Menambah baik modul Kursus Asas Pegawai RELA Menambah baik modul kursus kepada pegawai berprestasi rendah/bermasalah Melaksanakan kursus lanjutan kepada penyelia Melaksanakan kursus Pegawai Perhubungan Integriti Membuat program “Buddy System” 	<p>Strategi 2.2</p> <p>Memperkembangkan Tadbir Urus Sumber Manusia</p> <ol style="list-style-type: none"> Melaksanakan pusingan kerja terhadap pegawai yang berkhidmat melebihi lima/ tujuh tahun Memperluaskan peranan ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sebagai duta kecil integriti

OPERASI			
	Teras 3	Teras 4	Teras 5
TERAS	Memantapkan Pelaksanaan Operasi dan Penugasan	Memperkuhkan Tadbir Urus Pengurusan Persenjataan	Mempertingkatkan Profesionalisme Ahli Kehormat dan Bersekutu RELA (AKBR)
STRATEGI	Strategi 3.1 Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan RELA Kepada Pelanggan	Strategi 4.1 Memperkemaskan Peraturan dan Sistem Pengurusan Senjata Api	Strategi 5.1 Memperkemaskan Pengurusan Ahli Kehormat dan Bersekutu RELA (AKBR)
INISIATIF	<p>Meningkatkan Profesionalisme Pegawai dan Anggota RELA</p> <ol style="list-style-type: none"> Mewujudkan mekanisme penilaian penugasan bagi menilai prestasi perkhidmatan RELA Melaksanakan kursus sistem penugasan MyRELA kepada Pegawai Operasi di negeri dan daerah Melaksanakan naziran secara berkala terhadap penugasan tetap 	<p>Memantapkan Pengurusan Senjata Api</p> <ol style="list-style-type: none"> Menambah baik manual pengurusan senjata api yang lebih berkesan dan komprehensif Melaksanakan audit persenjataan Task Force pemeriksaan terhadap pemegang senjata api Menambah baik modul senjata api dalam sistem MyRELA 	<p>Melaksanakan kursus asas AKBR di setiap Pusat Latihan RELA</p> <ol style="list-style-type: none"> Meminda garis panduan pelantikan AKBR Memberi pendetahan kepada Pegawai RELA Daerah (PRD) dan AKBR berkenaan prosedur pelantikan AKBR
	<p>Meningkatkan Profesionalisme Pegawai dan Anggota RELA</p> <ol style="list-style-type: none"> Mewujudkan <i>profiling</i> Anggota RELA bertugas Menambah baik modul kursus mengikut keperluan operasi Mewujudkan surat "Aku Janji" penugasan Anggota RELA Mewajibkan Anggota RELA menandatangani surat "Aku Janji" sebelum bertugas di penugasan tetap Memperkuhkan program kesedaran dan keterlibatan rasuah dalam penugasan di dalam modul Kursus Asas Anggota RELA Mengkaji dan menyemak semula Arahan Tetap Ketua Pengarah (ATKP) Bil. 1/2017 – Kod Etika Anggota RELA 		

1

2

3

4

5

- 1
- 2
- 3
- 4
- 5



INISIATIF		PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN (2020 – 2024)
1.1.1	Mendokumentasi kawalan dalaman – arahan pentadbiran	BKEW	Jun 2021 (Jangka Pendek)
1.1.2	Mewujudkan arahan dalaman berkaitan Arahan Pegawai Pengawal	BKEW	Jun 2021 (Jangka Pendek)



INISIATIF		PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN (2020 – 2024)
1.2.1	Melaksanakan program penerapan nilai-nilai murni	UI	Dua Kali Setahun (Jangka Pendek)
1.2.2	Melaksanakan audit dalaman RELA	UI	Dua Kali Setahun (Jangka Pendek)



INISIATIF		PENERAJU/ PELAKSANA	TEPOH PELAKSANAAN (2020 – 2024)
2.1.1	Menambah baik modul Kursus Asas Pegawai RELA	BPSM	Sekali Setahun (Jangka Pendek)
2.1.2	Menambah baik modul kursus kepada pegawai berprestasi rendah/ bermasalah	BPSM	Sekali Setahun (Jangka Pendek)
2.1.3	Melaksanakan kursus lanjutan kepada penyelia	BPSM	Sekali Setahun (Jangka Pendek)
2.1.4	Melaksanakan kursus kepada Pegawai Perhubungan Integriti	UI	Sekali Setahun (Jangka Pendek)
2.1.5	Membuat program “Buddy System”	BPSM	Dua Siri (Jangka Panjang)



INISIATIF		PENERAJU/ PELAKSANA	TEPOH PELAKSANAAN (2020 – 2024)
2.2.1	Melaksanakan pusingan kerja terhadap pegawai yang berkhidmat melebihi lima/ tujuh tahun	BPSM	Mengikut Keperluan (Jangka Panjang)
2.2.2	Memperluaskan peranan ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sebagai duta kecil integriti	BPSM	Sekali Setahun (Jangka Pendek)

- 1
- 2
- 3
- 4
- 5

1
2
3
4
5



INISIATIF		PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN (2020 – 2024)
3.1.1	Mewujudkan mekanisme penilaian penugasan bagi menilai prestasi perkhidmatan RELA	BO	Oktober Setiap Tahun (Jangka Pendek)
3.1.2	Melaksanakan kursus sistem penugasan MyRELA kepada Pegawai Operasi di negeri dan daerah	BO	Dua Kali Setahun (Jangka Pendek)
3.1.3	Melaksanakan naziran secara berkala terhadap penugasan tetap	BO	10% Daripada Penugasan Tetap Setiap Tahun (Jangka Panjang)



- 1
- 2
- 3
- 4
- 5

INISIATIF		PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN (2020 – 2024)
3.2.1	Mewujudkan <i>profiling</i> Anggota RELA bertugas	BO	Mac 2021 (Jangka Pendek)
3.2.2	Menambah baik modul kursus mengikut keperluan operasi	BL	Sekali Setahun (Jangka Pendek)
3.2.3	Mewujudkan surat “Aku Janji” penugasan Anggota RELA	BO	Feb 2021 (Jangka Pendek)
3.2.4	Mewajibkan Anggota RELA menandatangani surat “Aku Janji” sebelum bertugas di penugasan tetap	BO	Sekali Setahun (Jangka Pendek)
3.2.5	Memperkukuhkan program kesedaran dan keterlibatan rasuah dalam penugasan di dalam modul Kursus Asas Anggota RELA	BL	Sekali Setahun (Jangka Pendek)
3.2.6	Mengkaji dan menyemak semula Arahan Tetap Ketua Pengarah (ATKP) Bil. 1/2017 – Kod Etika Anggota RELA	BPP	Jan 2021 (Jangka Pendek)

1
2
3
4
5



INISIATIF		PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN (2020 – 2024)
4.1.1	Menambah baik manual pengurusan senjata api yang lebih berkesan dan komprehensif	BSJ	Mei 2021 (Jangka Pendek)
4.1.2	Melaksanakan audit persenjataan	BSJ	Setiap Dua Tahun (Jangka Pendek)
4.1.3	<i>Task Force</i> pemeriksaan terhadap pemegang senjata api	BSJ	Tiga Kali Setahun (Jangka Sederhana)
4.1.4	Menambah baik modul senjata api dalam sistem MyRELA	BSJ BIT	Jan 2022 (Jangka Pendek)



- 1
- 2
- 3
- 4
- 5

INISIATIF		PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN (2020 – 2024)
5.1.1	Melaksanakan kursus asas AKBR di setiap Pusat Latihan RELA	BPP	Sekali Setahun (Jangka Pendek)
5.1.2	Meminda garis panduan pelantikan AKBR	BPP	Mac 2021 (Jangka Pendek)
5.1.3	Memberi pendedahan kepada Pegawai RELA Daerah (PRD) dan AKBR berkenaan prosedur pelantikan AKBR	BPP	Setiap Kali Sebelum Pencalonan Dibuka (Jangka Panjang)

TADBIR URUS

RELA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2020-2024

1

2

3

4

5

BABO4

- 1
- 2
- 3
- 4
- 5

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

1
2
3
4
5

Bagi memastikan RACP dapat dilaksanakan seperti yang dirancang, aspek pemantauan dan penilaian perlu diberikan penekanan. Mekanisme ini sangat penting bagi tujuan pemantauan kemajuan pelaksanaan yang dilakukan oleh setiap Bahagian dan Unit berkaitan agar selari dengan kerangka RACP yang disediakan. Melalui langkah ini juga, Jabatan dapat mengenalpasti cabaran-cabaran dalam pelaksanaan inisiatif agar dapat diselaraskan dengan lebih berkesan.

Selain itu, RACP juga perlu dilaksanakan secara menyeluruh dengan penglibatan dan komitmen Pengurusan Tertinggi RELA, warga Jabatan, pelanggan dan juga pemegang taruh. Bagi memastikan pelaksanaannya seiring dengan pelaksanaan NACP, suatu Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan RACP perlu ditubuhkan.

Bagi memastikan RACP dilaksanakan dengan jayanya, Pengurusan Tertinggi RELA perlu memastikan:

1. Unit Integriti RELA memantau, menilai dan melapor pencapaian RACP;
2. Memastikan setiap inisiatif dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan;
3. Melaksana koordinasi dan keterlibatan bagi memastikan inisiatif dapat dilaksana dengan lebih berkesan;
4. Unit Integriti perlu mengemukakan laporan RACP secara suku tahunan kepada Pengurusan Tertinggi RELA; dan
5. Unit Integriti perlu melaporkan pencapaian pelaksanaan RACP di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) RELA untuk pertimbangan dan keputusan.

Laporan pencapaian pelaksanaan RACP yang dibentangkan dalam Mesyuarat JAR RELA dan seterusnya akan dilaporkan dalam Mesyuarat JAR peringkat Kementerian Dalam Negeri.

Unit Integriti selaku urus setia RACP perlu membuat penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan RACP berdasarkan situasi semasa Jabatan. Penilaian dan semakan ini perlu dilaksana setahun sekali bagi memastikan strategi dan inisiatif yang disenaraikan kekal relevan untuk dilaksanakan.

RINGKASAN STRUKTUR TADBIR URUS PEMANTAUAN RACP 2020–2024

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

- Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KDN.

Menerima laporan pelaksanaan RACP daripada RELA.



JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

- Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah RELA.

Unit Integriti RELA bertindak sebagai Urus Setia mesyuarat JAR RELA bagi melapor dan membuat penilaian status semasa pelaksanaan inisiatif RACP melalui laporan pemantauan berkala.

- Menerima laporan prestasi suku tahunan RACP daripada Unit Integriti;
- Mendapatkan maklum balas daripada Bahagian dan Unit yang terlibat mengenai pelaksanaan inisiatif; dan
- Memperakukan isu dan laporan untuk dikemukakan kepada mesyuarat JAR Kementerian Dalam Negeri (jika perlu).



JAWATANKUASA PELAKSANA DAN PEMANTAUAN (JPP) RACP

- Dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) RELA atau Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) RELA.
- Keahlian:
 - Pengurusan Tertinggi RELA; dan
 - *Desk Officer* daripada bahagian pelaksana yang terlibat.
- Ketua Urus Setia – Ketua Unit Integriti RELA.
- Urus Setia – Unit Integriti RELA.

- Memantau pelaksanaan inisiatif;
- Mendapatkan penjelasan daripada pihak pelaksana;
- Menyediakan laporan ringkas suku tahunan dan laporan penuh pencapaian RACP; dan
- Memperakukan laporan prestasi RACP untuk dikemukakan kepada JAR RELA.

1

2

3

4

5

RELA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2020-2024
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

PENUTUP

RELA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2020-2024

1

2

3

4

5

5

0

B

A

B

1

2

3

4

5

KESIMPULAN

RELA sentiasa proaktif dan komited dalam usaha pencegahan rasuah supaya ia dapat dikekang dari terus berleluasa dalam Jabatan. Usaha dan komitmen terus digarap untuk memantapkan nilai integriti dan peribadi unggul warganya ke arah sebuah Jabatan yang berintegriti dan bebas kes rasuah.

Bagi memastikan RACP ini berjaya secara keseluruhan, pelaksanaan terhadap kesemua inisiatif yang telah dirancang perlu disusuli dengan penilaian dan pantauan oleh pasukan audit secara berkala. Maklum balas dan status semasa pelaksanaan inisiatif RACP perlu dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi RELA supaya pelaksanaannya sentiasa selari dengan objektif pembangunan pelan ini dan pada masa yang sama menepati dasar semasa Jabatan, Kementerian dan juga Negara.

Penetapan 27 inisiatif dalam pelan ini melalui dua bidang keutamaan, lima teras dan lapan strategi, RACP ini diharap akan menjadi sumber rujukan dalam usaha membanteras rasuah yang wujud dalam kalangan warga Jabatan. Adalah menjadi harapan Pengurusan Tertinggi RELA agar pelan antirasuah ini akan menjadi satu titik permulaan kepada usaha mitigasi yang berterusan demi menjadikan tadbir urus dan integriti di Jabatan ini kekal utuh dan dapat membantu meningkatkan imej Jabatan dalam tempoh empat tahun dari sekarang.



PENGHARGAAN

Ucapan Terima Kasih Yang Tidak Terhingga Kepada

PENAUNG

YBHG. KPJr YAHYA BIN SULAIMAN
Ketua Pengarah

PENASIHAT

YBRS. TKPjR MUHAMMAD RIDZUAN BIN ZAWAWI
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

YBRS. TKPjR KAMARUDIN BIN MOHD RAPIG
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

FASILITATOR

PUAN SHUHAIROZ BINTI MOHAMED SHUKERI
Ketua Penolong Setiausaha
Unit Integriti, KDN

PKPj ZAKIAH BINTI HASSAN
Ketua Cawangan
Pemeriksaan dan Perundingan
BPMP, SPRM

PKPj WAN MOHAMAD BIN WAN DRAHMAN
Ketua Cawangan
Pemeriksaan dan Perundingan
BPMP, SPRM

PKPj HAMIDAH BINTI AZIZ
Ketua Cawangan
Pemeriksaan dan Perundingan
BPMP, SPRM

PENGARAH BAHAGIAN & KETUA UNIT

PjR KHAIRI AZALI BIN IBRAHIM
Pegawai
Bahagian Kewangan dan
Pembangunan

PjR ZUBIR BIN MUSTAFA
Pegawai
Bahagian Pembangunan Pasukan
dan Penyelidikan

PjR AHMAD MUZAFFAR BIN AHMAD BAKRI
Pegawai
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

PjR CHRIS ALEXON WONG
Pegawai
Bahagian Khidmat Pengurusan

PjR NOR ASMAWI BIN ISMAIL
Pegawai
Bahagian Dasar dan Perancangan
Strategik

PjR ROZIAH BINTI MOHAMAD ALI
Pegawai
Bahagian Teknologi Maklumat

PjR MOHAMAD RAZIB BIN BUHAINI
Pegawai
Bahagian Operasi

PjR JIMMY ANAK JUPITER SAMBAU
Pegawai
Bahagian Latihan

ASP ROSAINI BIN MAT ASIN
Pegawai
Bahagian Peralatan

PjR FARAHHIDA AZRIN BINTI JAMALUDIN
Ketua
Unit Integriti

ENCIK SHUKRI BIN ZAMRI
Penolong Ketua
Unit Media

1

2

3

4

5

JAWATANKUASA RACP

PENGERUSI

YBHG. KPjR YAHYA BIN SULAIMAN
Ketua Pengarah

AHLI TETAP 1

YBRS. TKPjR MUHAMMAD RIDZUAN BIN ZAWAWI
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

AHLI TETAP 2

YBRS. TKPjR KAMARUDIN BIN MOHD RAPIG
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

AHLI-AHLI

PjR KHAIRI AZALI BIN IBRAHIM
Pengarah
Bahagian Kewangan dan
Pembangunan

PjR ZUBIR BIN MUSTAFA
Pengarah
Bahagian Pembangunan Pasukan dan
Penyelidikan

PjR AHMAD MUZAFFAR BIN AHMAD BAKRI
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

PjR NOR ASMAWI BIN ISMAIL
Pengarah
Bahagian Dasar dan Perancangan
Strategik

PjR MOHAMAD RAZIB BIN BUHAINI
Pengarah
Bahagian Operasi

ASP ROSAINI BIN MAT ASIN
Pengarah
Bahagian Persenjataan

PjR FARAHHIDA AZRIN BINTI JAMALUDIN
Ketua
Unit Integriti

URUS SETIA RACP

PPJKR MUHAMMAD FAIZ BIN MUSA
Penolong Pengarah
Unit Integriti

PPJR AIDA AZLIN BN ISMAIL
Pen. Pegawai Pertahanan Awam
Cawangan Tatatertib
Unit Integriti

PUAN ROSIDAWATI BINTI MOHAMAD
Ketua Pembantu Tadbir
Unit Integriti

**PUAN NOOR FATIMAH BINTI ABU
HASAN**
Pembantu Tadbir
Unit Integriti

PgR IBNI ABBAS BIN ISHAK
Pembantu Pertahanan Awam
Cawangan Aduan
Unit Integriti

CIK SITI FATIMAH BINTI AZMI
Anggota RELA Pentadbiran
Unit Integriti

Serta ucapan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang penyediaan RACP 2020-2024



1

2

3

4

5





Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
Kementerian Dalam Negeri

*Aras 7, 8 & 9, Blok D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya
Tel: 03 8870 3770
Faks: 03 8890 5532
Laman Web: www.rela.gov.my*